

### PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SARAWAK

#### 1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI, AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri (DUN). Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2021 telah dibentangkan di Persidangan DUN pada 21 November 2022. Pembentangan bagi LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sarawak Tahun 2021 telah dibentangkan semasa Persidangan DUN pada 17 Mei 2023. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**TARIKH PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

| BIL. | LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA                                                                                | TAHUN                      | TARIKH PEMBENTANGAN |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|---------------------|
| 1.   | LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri. | 2020 Siri 1<br>2021 Siri 1 | 21 November 2022    |
| 4.   | LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sarawak Tahun 2021.                      | 2021                       | 17 Mei 2023         |

Sumber: Handsard, Dewan Undangan Negeri Sarawak

#### 2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

2.1. Pada bulan Jun 2022, seramai tujuh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak (PAC) yang baharu. Selain itu, Setiausaha DUN telah dilantik sebagai Setiausaha PAC manakala Pengarah Unit Integriti dan Ombudsman Negeri dilantik sebagai ahli *ex-officio*. Pelantikan ahli PAC ini berikutan pembentukan Kerajaan Negeri yang baharu pada 18 Disember 2021 selepas Pilihan Raya DUN ke-12.

2.2. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sarawak Kali Ke-55 telah diadakan pada 8 dan 9 Mac 2023 bagi membincangkan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 hingga 2021. Ringkasan aktiviti Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sarawak pada tahun 2023 seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**AKTIVITI JAWATANKUASA KIRA-KIRA**  
**WANG AWAM NEGERI SARAWAK PADA TAHUN 2023**

| BIL.                       | JABATAN / AGENSI                                                                                                                                                                                                       | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>TARIKH : 8 MAC 2023</b> |                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| 1                          |                                                                                                                                                                                                                        | <b>Sesi Mendengar Keterangan Kementerian/ Jabatan/ Agensi Negeri</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|                            |                                                                                                                                                                                                                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sedidik Sdn. Bhd.<br/>(LKAN Tahun 2021 Siri 1) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Prestasi Pencapaian Penubuhan Pusat Sedidik</li> <li>- Prestasi Pencapaian Pendaftaran Kanak-kanak di Pusat Sedidik</li> <li>- Pendaftaran TASKA</li> <li>- Pendaftaran Kanak-kanak Kurang Daripada 15 orang</li> <li>- Kelayakan Pendidik</li> <li>- Kemudahan Infrastruktur dan Penyenggaraan Am Pusat Sedidik</li> <li>- Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di TASKA</li> <li>- Perolehan Pakaian Seragam Kanak-kanak</li> <li>- Geran Projek Naik Taraf TADIKAS Sedidik</li> <li>- Bantuan Yuran Murid Pra-sekolah Swasta</li> <li>- Verifikasi dan Pelupusan Aset</li> <li>- Tadbir Urus Korporat</li> </ul> </li> </ul> |
|                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak</li> <li>ii. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</li> <li>iii. Sedidik Sdn Bhd</li> </ul>  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</li> <li>ii. Jabatan Pertanian Sarawak</li> <li>iii. Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Projek Pembinaan dan Penambahbaikan Infrastruktur Jalan Ladang<br/>(LKAN Tahun 2019 Siri 2) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Surat Setuju Terima</li> <li>- Dokumen Kontrak Tidak Disediakan</li> <li>- Perlindungan Insurans Tidak Disediakan</li> <li>- Bon Pelaksanaan Tidak Disediakan</li> <li>- Sijil Perakuan Siap Kerja</li> <li>- Tempoh Tanggungan Kecacatan</li> </ul> </li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</li> <li>ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak</li> </ul>                                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Program Pembangunan Ternakan Lembu<br/>(LKAN Tahun 2020 Siri 1) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pencapaian Output : Populasi Lembu</li> <li>- Tahap Sara Diri (TSD) Bekalan Daging Lembu</li> <li>- Pendapatan Purata Penternak Lembu</li> <li>- Prestasi Kewangan</li> <li>- Permohonan PPTL – Kelulusan Permohonan</li> <li>- Pembekalan dan Pembayaran Baka Lembu PPL dan PJT</li> <li>- Baka Lembu di Bawah PPL Lewat Diagihkan</li> <li>- Baka Lembu di Bawah PPL Tidak Dijaga Dengan Baik</li> </ul> </li> </ul>                                                                                                                                                                                            |
|                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak</li> <li>iv. Jabatan Kerja Raya Sarawak</li> <li>v. Jabatan Muzium Sarawak</li> </ul>               | <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Projek Pembinaan Kampus Muzium Sarawak dan Jejak Warisan<br/>(LKAN Tahun 2021 Siri 1) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemajuan Fizikal Projek <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Tarikh Penyiapan Projek Berbanding Kontrak.</li> <li>b) Tempoh Penyiapan Munasabah</li> </ul> </li> <li>- Komponen Projek</li> <li>- Peralatan dan Artifak</li> <li>- Penilaian Tahap Kepuasan</li> <li>- Kertas MMKN</li> <li>- Pelan Pengurusan Konservasi</li> <li>- Kelulusan Jawatankuasa Kos Bagi Keperluan Muzium</li> </ul> </li> </ul>                                                                                                                                                                           |

| BIL.                       | JABATAN / AGENSI                                                                                                                                                | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|----------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                            |                                                                                                                                                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyempurnaan Kerja yang Dilaksanakan               <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Permukaan Lantai Epoksi Terdapat Gelembung Udara Kesan Dari Pemeluwapan dan Kesan Calar</li> <li>b) Dinding Lembab dan Basah</li> </ul> </li> <li>- Pemantauan Projek</li> <li>- Peralatan Konservasi</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|                            | i. Unit Pentadbiran, Jabatan Premier Sarawak<br>ii. Yayasan Sarawak<br>iii. Pusat Kecemerlangan Teknikal Sarawak (CENTEXS)                                      | ➤ Tanjong Manis Resources Sdn. Bhd. (LKAN Tahun 2021 Siri 1) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pencapaian Output Berdasarkan Pelan Strategik</li> <li>- Program yang Mendapat Pengiktirafan</li> <li>- Pengambilan Pelatih</li> <li>- Pelatih Lulus dan Menerima Sijil</li> <li>- Pengurusan Program Latihan</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| <b>TARIKH : 9 MAC 2023</b> |                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 2                          | i. Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak<br>ii. Sarawak Energy Berhad                                                                                  | ➤ Skim Pembekalan Elektrik Alternatif Luar Bandar (LKAN Tahun 2020 Siri 1) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Faedah Atas Kelewatan Pembayaran</li> <li>- Pengecualian Tender Tidak Diperoleh Secara Rundingan Terus</li> <li>- Kelewatan Menandatangani Perjanjian</li> <li>- Bon Pelaksanaan Tidak Dikemukakan</li> <li>- Kerja Penyenggaraan Rutin</li> <li>- Penyeliaan dan Pemantauan               <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mesyuarat Bulanan</li> <li>b) Mesyuarat Pengurusan Projek</li> <li>c) Laporan Kemajuan Projek</li> <li>d) Pemeriksaan Tapak Secara Rawak</li> </ul> </li> </ul> |
|                            | i. Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Sarawak<br>ii. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)<br>iii. Tanjong Manis Resources Sdn. Bhd. | ➤ Tanjong Manis Resources Sdn. Bhd. (LKAN Tahun 2021 Siri 1) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Analisis Pendapatan Operasi               <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pendapatan Jualan Kayu Racik</li> <li>b) Pendapatan Jualan Tempurung Kelapa Sawit</li> </ul> </li> <li>- Pelantikan Pembekal Bahan Mentah</li> <li>- Pembelian Jenis Bahan Mentah</li> <li>- Bahan Mentah Dari Sumber Dalaman – Ladang Hutan TMR</li> <li>- Pengilangan Produk Kayu Racik</li> <li>- Aktiviti Mempelbagaikan Produk Pasaran</li> </ul>                                                                         |

Sumber: Laporan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Ke-55.

